

Segera pendaftaran jurutera teknologi

Mosti dan BEM perlu bertindak, ramai graduan menganggur setelah tamat pengajian

24/12/14
SH 022

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT

— Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) digesa menyegerakan proses pendaftaran jurutera teknologi di negara ini kerana ada di kalangan mereka terpaksa menganggur terlalu lama.

Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Dr Ir Wee Ka Siong berkata, graduan tamat pengajian dalam bidang berkenaan memerlukan pendaftaran daripada kedua-dua badan tersebut bagi membolehkan mereka diterima bekerja dalam sesebuah syarikat.

Menurutnya, sehingga kini, 45 kursus dalam bidang kejuruteraan ditawarkan di empat universiti dan perbincangan segera perlu di-

“Sudah beberapa tahun perbincangan dilakukan di antara BEM dan Mosti, namun tiada kata putus sehingga sekarang dan ia perlu dilakukan segera.” - Wee Ka Siong

lakukan bagi memudahkan graduan yang tamat pengajian untuk memohon pekerjaan.

“Sudah beberapa tahun perbincangan dilakukan di antara BEM dan Mosti, namun tiada kata putus sehingga sekarang dan ia perlu dilakukan segera,” katanya pada Majlis Ramah Mesra Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Bersama Pemimpin Masyarakat, Ahad lalu.

Hadir sama, Profesor Datuk Dr Noh Dalimin dan Adun Semarang, Datuk Samsolbari Jamali.

Katanya, penyelesaian segera perlu bagi melahirkan lebih ramai jurutera dan me-

yakinkan orang ramai terhadap bidang tersebut.

Ka Siong berkata, sekiranya permasalahan itu berjaya diselesaikan, beliau akan membawa perkara itu ke Kabinet bagi meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967.

“Bagaimanapun, sebuah badan khas perlu ditubuhkan bagi membela profesion itu dan akan memungkinkan lebih ramai lagi pelajar berminat menyertai bidang kejuruteraan,” katanya.

Hebahkan aktiviti komuniti anda hubungi Sinar Harian



Ka Siong (dua, kiri) ketika Majlis Ramah Mesra UTHM Bersama Pemimpin Setempat, Ahad lalu.